



23 FEB, 2026

KPKT arah kerja pendawaian semula elektrik dilaksana segera

Berita Harian, Malaysia



Penduduk Flat Taman Permata terputus bekalan elektrik

KPKT arah kerja pendawaian semula elektrik dilaksana segera

PNSB diarah lakukan kerja pembaikan tanpa sebarang alasan atau kelewatan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Selangor: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengarahkan kerja pendawaian semula dilaksanakan segera susulan gangguan bekalan elektrik yang menjejaskan penduduk Blok 5, Flat Taman Permata, Dengkil sejak lima hari lalu.

Timbalan Menteri, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata kerosakan yang berlaku membabitkan pendawaian utama bangunan dan memerlukan tindakan pembaikan segera bagi menjamin keselamatan penghuni.

"Lawatan bersama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PN-SB) selaku Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati



Aiman (kanan) ketika membuat tinjauan dan bertemu penduduk Flat Taman Permata, Dengkil, semalam.

(Foto Samadi Ahmad/BH)

terdapat risiko kebocoran arus yang boleh mengancam keselamatan penghuni.

"Justeru, bekalan elektrik terpaksa dipotong sementara oleh TNB," katanya selepas mengadakan tinjauan dan bertemu penduduk di Flat Taman Permata, semalam.

Aiman berkata, pihak TNB mengarahkan PNSB untuk melak-

sanakan kerja pembaikan tanpa sebarang alasan atau kelewatan dan memastikan penjelasan rasmi serta bertulis diberikan kepada keluarga yang terjejas.

Kerosakan kali kedua

Sebanyak 46 keluarga membabitkan lebih 200 penghuni terkesan akibat insiden ini. Ini adalah kerosakan kali kedua selepas ke-

jadian sama berlaku tahun lalu.

Dalam kejadian sebelumnya, kerajaan Selangor membelanjakan kira-kira RM1.5 juta bagi menempatkan penduduk di perumahan sementara susulan keadaan kediaman yang daif hampir suku abad sebelum mereka dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang yang siap dibina tahun lalu.

Aiman Athirah yang juga Ahli Parlimen Sepang menegaskan tempoh pembaikan dianggarkan mengambil masa kira-kira seminggu mesti dipatuhi.

"Sebarang kelewatan yang tidak munasabah akan dipersoalkan dan tindakan susulan akan dipertimbangkan," katanya.

Sebagai langkah segera, beliau turut berbincang dengan Pegawai Daerah Sepang bagi memindahkan penduduk terjejas ke Pusat Teduhan Sementara (PTS) untuk membantu penghuni yang memerlukan, dengan kos ditanggung pihak JMB.

Beliau berkata, isu berkenaan turut dibangkitkan kepada kepimpinan tertinggi PNSB supaya penyelesaian menyeluruh dilaksanakan dan bukan sekadar langkah sementara.

"Semua penduduk terbabit sebenarnya boleh dipindahkan ke PPR Ampar Tenang yang siap dapat beberapa proses dokumentasi dan penyelesaian hutang dengan PNSB yang belum dimuktamadkan," katanya.

Beliau memberi jaminan kebajikan serta keselamatan penduduk akan terus diutamakan, dengan pemantauan rapi sehingga bekalan elektrik dipulihkan sepenuhnya.